

**Anwar Dicabar Berentap Dengan Najib Di Pekan
Bernama
07 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim Rabu dicabar bertanding menentang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di kawasan Parlimen Pekan pada pilihan raya umum ke-13.

"Saya cabar Anwar menentang Najib di Pekan, kita nak tengok setakat mana kemampuan dan keberanian beliau membohongi rakyat Pahang dengan pelbagai isu fitnah," kata Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Wira Syed Ali Alhabshee.

Ketua umum pakatan pembangkang itu diuar-uar menjadi perdana menteri sekiranya pembangkang menang, semalam mencabar Najib menentang penyandang kerusi Parlimen Marang Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Presiden Pas.

Syed Ali berkata sepatutnya Anwar sendiri yang mencabar Najib jika beliau benar-benar 'anak jantan' dan bukannya mencadangkan pemimpin pembangkang lain.

"Jika Anwar anak jantan dan bukannya pengecut, saya cabar beliau bertanding sama ada di kerusi Parlimen Pekan atau pun di Marang (Terengganu)," katanya seperti dipetik laman web Umno Cheras.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707704>